

Avillion Port Dickson rai anak yatim, asnaf



ANAK-ANAK yatim dan miskin yang diraikan dalam majlis berbuka puasa di Avillion Port Dickson, hari ini. - UTUSAN ONLINE/ASWAD YAHYA

PORT DICKSON 6 Jun - Seramai 64 anak-anak yatim dan asnaf diraikan dalam majlis berbuka puasa anjuran Avillion Port Dickson, di sini hari ini.

Mereka merupakan kanak-kanak dari Pertubuhan Anak Yatim dan Miskin Murad Foundation serta Asnaf Murni Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Fakir Miskin Seremban.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Avillion Berhad, Amirul Baharom, majlis tersebut merupakan aktiviti tahunan hotel berkenaan bagi menggembarakan kanak-kanak tersebut.

"Kami meraikan anak yatim setiap tahun di semua hotel di bawah kami. Mereka sepatutnya diraikan sepanjang tahun bukan hanya pada bulan Ramadan.

"Selain itu, kami ada beberapa program lain di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) Avillion Berhad melibatkan golongan yang memerlukan," katanya.

Amirul berkata, pihak pengurusan hotel juga akan mengunjungi rumah anak yatim dan rumah orang miskin bagi menyalurkan bantuan sempena kedatangan Hari Raya Aidilfitri. - UTUSAN ONLINE

Aida Fazlen Ibrahim

06 Jun 2018 9:55 PM